

# Sambut Aidilfitri di rumah baharu

➔ Kediaman lebih selesa, serba lengkap penuhi keperluan penduduk

Oleh Abdul Razak Raaff  
raaffar@bharian.com.my

### Rompin

“Raya berganda bagi kami sekeluarga kerana dapat menyambut Aidilfitri di rumah baharu,” kata Zalifah Berahim.

Anak jati Kampung Tekek berumur 31 tahun itu berkata, sambutan Aidilfitri tahun ini paling meriah baginya bersama suami, Kamizan Mat Daim, 34 dan seorang anak perempuan berumur 14 tahun.

Beliau yang bekerja sendiri berkata, rumah tiga bilik dan dua bilik air dengan laman di tepi rumah memberi keselesaan kepada mereka sekeluarga.

“Memang kami bersyukur dapat miliki rumah yang cantik sebegini dan akan menghias dan menjaganya dengan baik,” katanya.

### Teruja miliki kediaman

Beliau yang baru berpindah ke rumah baharu sejak dua bulan lalu, ditemui pada majlis perasmian Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tekek Makmur di Kampung Tekek, Pulau Tioman, oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, semalam.

Suri rumah, Nazariah Hamzah, 32, teruja dapat memiliki rumah sendiri selepas menyewa rumah RM400 sebulan di Kampung Tekek, sebelum ini.

“Saya mula berpindah sejak Februari lalu dan memang saya bersama suami, Wan Noraziz Wan Endut (34 tahun) dan tiga anak (berumur tujuh hingga 12 tahun) turut gembira ada bilik sendiri.

### Lokasi strategik

“Malah, rumah turut disediakan kipas siling di setiap bilik, memang kami beruntung dapat rumah ini kerana lokasinya juga strategik dekat dengan masjid, sekolah dan kedai runcit,” katanya.

Sementara itu, pekerja am, Abdullah Jaafar, 56, bersyukur kerana tidak perlu lagi menumpang chalet milik saudaranya di Kampung Tekek bersama isteri dan tiga anak.

“Mana nak dapat beli rumah macam ini dengan harga RM35,000 di tempat lain, inilah bukti kerajaan prihatin dengan nasib rakyat yang berpendapatan rendah,” katanya.

Bila perutnya menyerap lebih nutrien, si manja lebih ceria meneroka & menawan dunia!



Perut Selesa, Si Manja Ceria

### Berikan si manja anda LACTOKID COMFORTIS 3 untuk penyerapan lebih baik dalam perut.

Bila perut si manja selesa, kecefaannya menyerlah. Sebab itulah penting untuk anda menjaga perutnya agar selesa. Dirumus khas dengan bakteria baik *L. reuteri* yang membantu si manja menyerap lebih nutrien bersama gabungan DHA dan 15 vitamin & mineral (HAPPYNUTRI), LACTOKID COMFORTIS 3 membolehkan si manja bermain, belajar serta membesar dengan lebih ceria bila anda pastikan perutnya selesa!



Imbas kod dan jam kita nianyi sama-sama.

Info lanjut, layari [www.startwell.nestle.com.my](http://www.startwell.nestle.com.my)



\*Sumber: Euromonitor International Limited; saham syarikat dipegang oleh pemilik jenama dunia, berpandukan agregat definisi makanan kering bagi bayi, makanan bayi siap dan rumusan susu untuk kanak-kanak (lentuk kanak-kanak berumur 13 bulan ke atas), nilai runcit rpi, data diterbitkan pada Jun 2016.

Nota penting: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan penyusuan susu ibu secara eksklusif untuk enam bulan yang pertama dan meneruskannya sehingga selama yang mungkin. Oleh kerana perkembangan setiap anak adalah berbeza, pakar kesihatan perlu menasihatkan ibu waktu yang sesuai untuk memperkenalkan makanan pelengkap. LACTOKID COMFORTIS 3 adalah susu tepung rumusan untuk kanak-kanak 1-3 tahun. Tidak sesuai digunakan sebagai pengganti susu ibu.



Dicetak oleh: Nestlé Products Sdn. Bhd. (45229-HL, 22-1, 22nd Floor, Menara Surian, No 1, Jalan PJJJ 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, LACTOKID COMFORTIS 3, Print Ad, July 2017

## ➔ PERUMAHAN

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]



Projek Perumahan Rakyat Tekek Makmur dirasmikan Perdana Menteri di Kampung Tekek, Pulau Tioman, semalam.



Memang kami bersyukur dapat miliki rumah yang cantik sebegini dan akan menghias dan menjaganya dengan baik”

Zalifah Berahim, Penduduk



Rumah turut disediakan kipas siling di setiap bilik, memang kami beruntung dapat rumah ini kerana lokasinya juga strategik dekat dengan masjid, sekolah dan kedai runcit”

Nazariah Hamzah, Suri rumah

### Fakta nombor

116 UNIT RUMAH

kluster setingkat dengan tiga bilik

RM46.75j NILAI

projek perumahan yang mula dibina pada Julai 2012 dan siap sepenuhnya Ogos 2015